

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
PADA PEMBUKAAN BILIK GERAKAN KEMAJUAN
KEBANGSAAN, DI KUALA LUMPUR
PADA 4HB SEPTEMBER, 1961

Y.T.M. Tunku Perdana Menteri, Tuan-tuan yang Terutama,
Y.B. Menteri-menteri,

Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada tuan sekalian kerana sudi hadir di upacara pembukaan bilik gerakan Kemajuan Kebangsaan kita atau National Development Operations Room pada malam ini.

Begitu juga saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Y.T.M. Tunku Perdana Menteri kerana sudi hadir mengistiharkan pembukaan bilik ini.

Kepada pegawai-pegawai di Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta Ketua-ketua Pejabat dan Pegawai-pegawai daripada semua Kementerian dan Pejabat saya ucapkan terima kasih dan tahniah kerana telah bekerja dengan giatnya menyediakan bilik ini.

Bilik ini bukanlah satu bilik yang besar dan tuan-tuan sekalian berfikir tentu tidak patut diadakan satu upacara pembukaan resmi yang besar semacam ini pada malam ini. Akan tetapi bukannya keluasan bilik ini atau isinya yang mempunyai erti-kata dan makna yang mustahak—ialah hasrat dan semangat yang terkandung di dalamnya.

Bilik Gerakan ini ialah akan menjadi pusat nadi segala rancangan-rancangan kemajuan negara kita. Di dalam bilik ini ada tercatat semua sekali rancangan kemajuan seluruh Tanah Melayu serta keterangan-keterangan bagaimana caranya rancangan-rancangan itu berjalan. Di dalam bilik ini akan diadakan, dari suatu masa ke suatu masa, mesyuarat-mesyuarat di antara Menteri-menteri, Ketua-ketua Pejabat serta sekalian pegawai-pegawai yang berkaitan dengan kemajuan negara bagi menyemak kemajuan-kemajuan yang telah tercapai di dalam semua rancangan-rancangan negara kita dan bagi memikirkan ikhtiar-ikhtiar untuk mengatasi kesukaran-kesukaran dan masalah-masalah yang melambatkan kemajuan rancangan-rancangan itu, bila-bila didapati.

Oleh itu bilik ini ialah tempat menentukan kemajuan negara kita, menentukan perkhidmatan, kemajuan serta kemakmuran bangsa dan negara kita. Bilik ini ialah Bilik Gerakan, bilik untuk mengeluarkan kehasilan dan kejayaan—bilik bertindak bukan bilik untuk bercakap. Oleh itu saya tidak hendak bercakap lebih panjang lagi melainkan saya berharap dengan adanya Bilik Gerakan ini Ketua-ketua Pejabat, Pegawai-pegawai Kerajaan sekalian akan menumpukan sepenuh-penuh tenaga untuk menjayakan semua sekali Rancangan-rancangan Kemajuan negara kita.

Saya dengan amat sukacitanya mempersilakan Y.T.M. Tunku Perdana Menteri mengistiharkan pembukaan Bilik Gerakan Kemajuan Kebangsaan kita.